

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan risiko monopoli ditransformasi menjadi oligopoli bagi industri pemeriksaan berkala kenderaan bermotor menurut Akta 333: Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan tamatnya konsesi eksklusif PUSPAKOM sebagai badan tunggal pada 31 Ogos 2024 memandangkan kriteria kelayakan ketat untuk syarikat berminat lain memohon lesen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan bagi menjalankan pemeriksaan kenderaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] telah dibuka kepada pemain industri yang berkeelayakan lanjutan daripada tamatnya perjanjian konsesi pada 31 Ogos 2024 yang memberikan hak eksklusif kepada syarikat PUSPAKOM. Selepas tamatnya perjanjian konsesi tersebut, syarikat PUSPAKOM telah menjadi syarikat pertama yang dilesenkan di bawah Seksyen 126(1), Akta 333 untuk terus memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan ini.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) amat komited untuk menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat yang berminat dan berkeelayakan untuk memohon Lesen Pengoperasian terutamanya syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang pemeriksaan kenderaan. Permohonan ini telahpun dibuka bermula pada 1 Jun 2024 sehingga 31 Oktober 2024 bagi lokasi-lokasi yang telah ditetapkan yang juga maklumat tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang MOT dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
3. Pelantikan pihak yang berjaya memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan dijangka dapat dilaksanakan bermula suku pertama tahun 2025 selepas proses penilaian selesai dilaksanakan.
4. Kriteria-kriteria kelayakan yang ditetapkan bertujuan memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam industri ini kelak mampu memenuhi standard perkhidmatan yang tinggi, sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan memiliki kemampuan teknikal dan kemahiran yang mencukupi bagi menjalankan pemeriksaan yang berkualiti.
5. Kriteria ini juga adalah selaras dengan ketetapan Akta 333 yang bertujuan untuk memastikan tahap *road-worthiness* dan keselamatan kenderaan motor tersebut apabila digunakan di atas jalan. Pemeriksaan berkala kenderaan motor ini adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya secara

keseluruhannya serta mengelakkan berlakunya kerosakan kepada infrastruktur jalan yang akan membawa implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.

6. Melalui semua peruntukan undang-undang sedia ada serta kriteria kelayakan yang telah ditetapkan, Kementerian percaya persaingan yang sihat akan terhasil dan akan dapat memastikan industri ini kekal kompetitif tanpa mewujudkan penumpuan kuasa atau oligopoli. Mana-mana pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ditetapkan akan dipelawa dan dibenarkan beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ di masa hadapan sebagaimana syarat-syarat yang dikenakan kepada pihak PUSPAKOM.

Sekian, terima kasih.